

Analisis Morfofonemik dan Proses Pengimbuhan Bahasa Dusun di Kampung Bebuloh, Brunei Darussalam

Harni Susanti Sayong, *Ashrol Rahimy Damit, Lalu Nurul Yaqin

Univeristi Brunei Darussalam

*Corresponding Author e-mail: rahimy.damit@ubd.edu.bn

Received: September 2023; Revised: October 2023; Published: November 2023

Abstract

Kajian ini bertujuan untuk menerokai proses pengimbuhan Bahasa Dusun yang digunakan di Kampung Bebuloh Brunei Darussalam. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini bagi pengumpulan rakaman audio sesi temuduga dan analisis data lapangan. Data yang telah disaring akan dianalisis menggunakan teori struktural (Bloomfield, 1933). Menerusi analisis kajian, didapati sebanyak lima proses morfofonemik iaitu perubahan fonem, penambahan fonem, hilang fonem, pergeseran fonem dan peluluhan fonem. Bagi proses pengimbuhan pula, didapati 23 imbuhan awalan, lima imbuhan akhiran, satu apitan, satu sisipan dan ditemui juga, proses baharu iaitu kata kala lampau dan penggantian fonem. Selain itu, ditemui beberapa kesalahan dalam pertuturan bahasa Dusun, seperti imbuhan bahasa Dusun digunakan pada kosa kata bahasa Melayu Standard dan dialek Melayu Brunei dan terdapat juga salah penggunaan imbuhan bahasa Dusun. Temuan kajian ini sangat penting kerana untuk mengesan kekurangan golongan penutur yang fasih dalam berbahasa Dusun. Hal ini disebabkan tidak ramai lagi penutur asli bahasa Dusun yang dijumpai adapun penutur bahasa Dusun sudah tentu bahasa penutur tersebut bercampur dengan bahasa asing ataupun bahasa Melayu Brunei

Kata kunci: Bahasa Dusun; Morphonemik; proses pengimbuhan; Kampung Bebuloh; Brunei Darussalam

The Analysis Morphophonemic and Affixation Process in the Dusun Language of Bebuloh Village, Brunei Darussalam

Abstract

This study examines the affixation process in the Dusun language as spoken in Kampung Bebuloh, Brunei Darussalam. Qualitative methods have been employed for data collection, involving audio recordings of interview sessions and subsequent analysis of field data. The filtered data will undergo examination utilizing structural theory (Bloomfield, 1933). The study identified five morphophonemic processes: phoneme changes, phoneme additions, phoneme loss, phoneme shifts, and phoneme weakening. There are 23 prefix affixes, five suffix affixes, one infix, one epenthesis, and a new process that involves past tense markers and phoneme replacement that were found for affixation processes. Also, the study found some things that could have been improved in the way people spoke the Dusun language. These included using Dusun language affixes in Standard Malay vocabulary and the Brunei Malay dialect, as well as using Dusun language affixes in the wrong way. The findings of this research are significant as they highlight the scarcity of proficient Dusun language speakers, a consequence of the declining number of native Dusun language speakers. Dusun language speakers often exhibit influence from foreign languages or Brunei Malay.

Keywords: Dusun Language, morphophonemic; Affixation; Bebuloh Village; Brunei Darussalam

How to Cite: Sayong, H. S., Damit, P. H. A. R. bin P., & Yaqin, L. N. (2023). Analisis Morfofonemik dan Proses Pengimbuhan Bahasa Dusun di Kampung Bebuloh, Brunei Darussalam. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 1(1), 11–42. <https://doi.org/10.36312/ijlic.v1i1.1606>



<https://doi.org/10.36312/ijlic.v1i1.1606>

Copyright© 2023, Sayong et al.

This is an open-access article under the CC-BY-SA License.




INTRODUCTION

Puak Dusun hidup berpuk-puak mengikut kawasan dan tempat tinggal mereka. Puak ini selalunya tinggal di kawasan lereng-lereng bukit, tanah rata atau lembah dan di tebing-tebing sungai. Menurut Bujang (2017) tujuan puak ini tinggal di Kawasan-kawasan tersebut adalah bagi memudahkan mereka untuk bercucuk tanam, memelihara binatang dan berhubung menggunakan sungai tersebut. Oleh sebab itu mereka digelar “Dusun” kerana mereka mengusahakan dusun buah-buahan. Selain itu juga, Kumpoh (2016) mengatakan puak Dusun mengenalkan diri mereka sebagai ‘Sang Jati’ (orang asli) atau ‘Iddeh Kitah’ (orang kita). Manakala Yusof dan Mahali (2019) mengatakan puak Dusun itu digelar ‘sang jati’ yang memberi maksud sebagai bangsa kita.

Manakala Ramai (1997) mengatakan puak Dusun tidak memiliki bahasa tulisan dan bahasa Dusun dianggap sebagai bahasa komunikasi lisan yang digunakan dalam lingkungan masyarakat mereka sendiri. Pembentukan perkataannya adalah melalui proses pengimbuhan kata dasar dengan morfem imbuhan secara serentak sama ada dalam bentuk awalan, akhiran, sisipan atau apitan. Hal ini bergantung kepada kehadiran perkataan itu dalam kata dasarnya.

Kelompok puak Dusun yang tinggal di negara ini mempunyai perbezaan Bahasa, iaitu dari segi leksikon. Perkara ini jelas didapati di dalam pertuturan Bahasa Dusun dan ini menunjukkan bahawa adanya perbezaan sebutan dalam pertuturan pada puak Dusun. Perbezaan ini terjadi disebabkan oleh kawasan atau tempat tinggal mereka yang berlainan.



Rajah 1. Dipetik daripada Karim (2007: 19)

Permasalahan kajian ini berpunca dari perubahan penetapan kawasan puak Dusun, contohnya kebanyakan orang-orang Dusun berpindah ke kawasan bandar lalu memberi impak pada gaya kehidupan mereka yang sudah berubah seperti dari aspek pendidikan, pekerjaan mereka dan berpindah kerana perkahwinan. Dari segi pendidikan tentang memperelajari bahasa yang diajar pada setiap sekolah-sekolah iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Diikuti dengan alam pekerjaan yang akan mempengaruhi bahasa ibunda mereka dengan bahasa yang digunakan sewaktu berkerja.

Perubahan budaya dan cara hidup disebabkan kebanyakannya memeluk agama Islam (mualaf) atau agama lain, contohnya di Kampung Bebuloh penduduk yang berumur muda kurang menggunakan bahasa Dusun, sebaliknya menggunakan

bahasa Melayu sebagai bahasa harian dan pergaulan. Dengan itu orang-orang yang berumur mula mengikut gaya penuturan golongan anak-anak muda dan menyebabkan bahasa atau adat turun-temurun serta warisan semakin berkurangan, kerana tidak dipupuk ke generasi seterusnya.

Sehubungan dengan itu, pelbagai faktor yang dianggap sebagai penyebab perubahan corak sesuatu bahasa. Antaranya disebabkan tidak ingin mempelajari bahasa ibunda jadi perubahan bahasa akan berlaku. Merujuk kajian lepas yang bersependapat tentang permasalahan tersebut. Chuchu & Nooroshid (2013) menyatakan dari hasil temuramah mereka bersama orang Dusun, menunjukkan 60 peratus dari informan akan memilih untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Dusun bersama dengan orang-orang yang lebih berusia, contohnya ibu bapa, nenek dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa mereka hanya menggunakan bahasa tersebut dikawasan tertentu sangat terhad dan bukan sebagai bahasa seharian. Sebagai tambahan, ada slogan kata yang mengatakan “bahasa, jati diri bangsa” dan “bahasa menunjukkan bangsa” slogan-slogan ini membawa maksud identiti seseorang itu terletak pada bahasa yang dituturnya. Noor Azam, McLellan & Deterding (2011) mengatakan :

“ we note that many of the minority languages of Brunei, such as Tutong and Dusun, are under serious threat of extinction, and we believe that additional resources could be allocated to efforts to preserve them”.

Noor Azam, et.al (2011: 6)

Memberi maksud mereka mendapati bahawa bahasa minoriti Brunei, seperti Tutong dan Dusun, mengalami ancaman kepupusan yang amat serius dan mereka memberi solusi agar menekankan sumber daya tambahan sebagai melestarikan kedua-dua bahasa puak jati tersebut. Selain daripada permasalahan penggunaan bahasa Dusun tersebut, kajian tentang proses pengimbuhan bahasa Dusun di Kampung Bebuloh, belum lagi disentuh oleh mana-mana pengkaji. Berdasarkan penelitian akan kajian lepas, kebanyakannya mengkaji tentang imbuhan kata kerja dan kata Nama bahasa Dusun sahaja. Oleh kerana itu dalam kajian ini membincangkan tentang salah satu bahasa yang dituturkan oleh puak jati yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Bahasa yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah bahasa Dusun, yang dituturkan oleh puak Dusun iaitu Kampung Bebuloh. Kampung Bebuloh terletak di Daerah Brunei dan Muara yang bersempadan dengan Limbang, Sarawak iaitu negara Malaysia. Majoriti penduduk kampung ini terdiri dari puak Dusun, akan tetapi terdapat juga puak Bisaya yang mendiami di kampung tersebut. Tambahan lagi, orang di sempadan menggunakan bahasa Bisaya yang dipercayai bahasa Bisaya lebih kurang sama dengan bahasa Dusun yang mempunyai peratus kekerabatan 82% seperti yang pernah dinyatakan oleh Nothofer (1991) yang dipetik daripada (Damit, 2007). Pada masa ini, penduduk kampung tersebut telah banyak terdedah kepada masyarakat luar atau bandar. Kajian ini akan menumpukan pada proses pengimbuhan bahasa Dusun oleh penduduk di Kampung Bebuloh sahaja. Dengan menemu bual empat orang puak Dusun yang berumur sekitar 50-an, tujuannya untuk mendapatkan penutur bahasa Dusun yang fasih dan asli. Aspek morfologi yang akan diteliti ialah pengimbuhan sama ada mengalami pengguguran

atau tambahan. Dengan membuat penelitian dan perbandingan dari kajian lepas, pengkaji boleh mengenal pasti akan perbezaan dan perubahan imbuhan tersebut

Kajian ini sangat penting kerana untuk mengesan akan kekurangan golongan penutur yang fasih dalam berbahasa Dusun. Hal ini disebabkan tidak ramai lagi penutur asli bahasa Dusun yang dijumpai adapun penutur bahasa Dusun itu sudah tentu bahasa penutur tersebut bercampur dengan bahasa asing ataupun bahasa Melayu Brunei. Contohnya sekarang banyak menggunakan telefon pintar daripada menggunakan telefon rumah, sedangkan telefon pintar sekarang banyak menggunakan bahasa asing. Selain dari itu pendidikan, walaupun penutur itu sudah berumur dan tidak pernah bersekolah dahulu, beliau juga sudah tentu bergaul dengan orang sekelilingnya, contohnya cucu atau anak-anaknya yang berpendidikan yang kurang menggunakan bahasa Dusun untuk berkomunikasi.

Kajian ini juga dihasilkan untuk mengetahui dan membuktikan adakah imbuhan dalam bahasa Dusun itu sama seperti dulu atau semakin merosot mengikuti perubahan zaman ke zaman dengan membandingkan kajian yang pernah dibuat terdahulu dengan kajian yang sedang dilakukan sekarang.

Dalam menerokai permasalahan kajian ini, beberapa persoalan yang dibincangkan, seperti : 1) Bagaimanakah cara proses-proses pengimbuhan dalam bahasa Dusun?. 2) Adakah proses pengimbuhan bahasa Dusun sudah terjejas kerana perubahan era moden?.

METODE

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mengenal pasti proses pengimbuhan dan ciri-ciri leksikal yang diperolehi dari bahasa Dusun. Kajian ini menggunakan empat pendekatan untuk mendapatkan data, iaitu kepustakaan, temu bual, rakaman dan pemerhatian.

Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan sangat membantu dalam memulakan sesuatu kajian atau sebagai landasan kajian, dengan merujuk latihan-latihan ilmiah, jurnal bahasa dan tesis-tesis yang pernah dikaji mengikut aspek atau bidang yang ingin dikaji. Maklumat atau data tersebut terdapat di bilik sumber di Universiti Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam. Selain itu, pengkaji juga melayari laman sesawang untuk penambahan maklumat berkaitan kajian ini.

Kaedah Temubual

Kaedah ini melibatkan empat orang penutur asli bahasa Dusun. Melalui interaksi secara langsung ini, pengkaji telah mendapat banyak maklumat yang berharga kerana data yang diperolehi bersifat semula jadi dan para informan bebas bercakap mengenai perkara-perkara yang tertentu.

Kaedah Rakaman

Kaedah ini dilakukan untuk mendapat bahan-bahan yang diperlukan untuk dijadikan sebagai bahan kajian pengkaji. Pengkaji menjalankan kajian terhadap empat orang penutur asli puak Dusun yang berasal dari Kampung Bebuloh sebagai informan. Di samping itu, sebelum membuat rakaman pengkaji akan membuat temu

janji dengan informan terlebih dahulu untuk persetujuan tentang tujuan rakaman itu dibuat. Dalam rakaman tersebut, pengkaji bertanya kepada informan tentang beberapa buah cerita atau pengalaman hidup informan atau kisah orang dahulu kala. Rakaman ini dibuat dalam masa hampir satu jam bagi setiap kumpulan. Rakaman secara berkumpulan dilakukan berikutan permintaan informan (informan 1 berbual dengan informan 2 dan informan 3 berbual dengan informan 4).

Kaedah Pemerhatian

Sebagai seorang penutur asli dalam bahasa Dusun, pengkaji juga sering melakukan pemerhatian terhadap kosa kata yang selalu digunakan oleh puak Dusun ini. Berdasarkan pengamatan ini, didapati kelainan penggunaan dari segi leksikon dan tatabahasa antara golongan tua dan muda. Penggunaan bahasa dalam golongan muda telah banyak dipengaruhi oleh bahasa Inggeris. Bahasa atau tuturan yang mereka gunakan bercampur aduk dengan bahasa Inggeris. Bagi pendapat pengkaji, pemerhatian seperti ini amat penting dan berfaedah kerana dapat membezakan penutur yang fasih dengan yang tidak fasih.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Mererusi data yang telah dikumpul, didapati beberapa fonem vokal dan fonem konsonan yang digunakan dalam bahasa Dusun, seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Fonem vokal dan konsonan bahasa Dusun

Empat Fonem Vokal	/a/, /i/, /o/ dan /u/
18 Fonem Konsonan	/b/, /c/, /d/, /g/, /h/, /dʒ/, /ʔ/, /l/, /m/, /n/, /ŋ/, /p/, /s/, /s/, /t/, /w/ dan /j/

Aini Hj Karim (2013 : 419) pula menemui satu fonem konsonan tambahan, iaitu fonem /ʃ/, seperti dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3 Fonem vokal dan konsonan bahasa Dusun yang diperolehi oleh Aini Hj Karim (2013)

Empat Fonem Vokal	/a/, /i/, /o/ dan /u/
19 Fonem Konsonan	/b/, /c/, /d/, /g/, /h/, /dʒ/, /ʔ/, /l/, /m/, /n/, /p/, /s/, /s/, /t/, /w/, /ʃ/, /ŋ/, /p/ dan /j/

1. Proses Morfonemik

Menurut *Kamus Linguistik* (1997), Mahadi (2005) dan Hassan (2006) proses ini melibatkan perhubungan diantara dua bidang, iaitu morfologi dan fonologi. Sehubungan dengan itu, Chaer (2008) memberikan huraian proses ini berkaitan dengan perubahan bunyi atau perubahan fonem kerana proses morfologi. Tambahan lagi, beliau memberikan beberapa kategori dalam proses ini, iaitu :

- a. Perubahan fonem,
- b. Pemunculan atau penambahan fonem,
- c. Pelepasan atau Hilang fonem,
- d. Pergeseran fonem,
- e. Peluluhan fonem.

Dalam kajian bahasa Dusun, kajian ini sahaja yang membuat penelitian yang terperinci terhadap proses ini, iaitu Yusof (1995). Dalam bahasa Bisaya pula, kajian yang dilakukan oleh Idris (2008) juga merupakan sebuah penyelidikan yang terperinci. Menerusi kedua-dua kajian itu, didapati mereka hanya menemui tiga kategori sahaja iaitu, perubahan fonem, penambahan fonem dan hilang fonem. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati kelima-lima kategori yang dimukakan oleh Chaer (2008).

a. Perubahan Fonem

Menurut Chaer (2008:43) perubahan fonem bermaksud berubahnya sebuah bunyi fonem setelah mengalami proses morfologi. Dalam kajian ini hanya terdapat dua sahaja iaitu pada proses imbuhan /ma-/ dan /pan-/.

Jadual 4 Rumusan pengkaji dalam perubahan fonem:

Imbuhan	Penerangan
/ma-/	Imbuhan /ma-/ dengan kata dasar [tulis] akan mengubah fonem awal kata dasar tersebut dengan /n/.
/pan-/	Imbuhan /pan-/ dengan kata dasar [takod] akan mengubah fonem awal kata dasar tersebut dengan /n/.

Contoh perubahan fonem bahasa Dusun :

{ma-} + Tulis = Manulis (menulis)
 {pan-} + Takod = panakod (menaikan)

b. Penambahan fonem

Menurut Chaer (2008) penambahan bunyi fonem apabila berlakunya proses morfologi. Dalam kategori ini pengkaji mengatakan bahawa alomorf yang terdapat dalam morfem adalah penambahan fonem.

Jadual 5 Rumusan kajian pengkaji dalam penambahan fonem

Imbuhan	Penerangan
/ba-/ /ŋ-/	alomorf /bar-/, /bag-/ dan /bal-/ Apabila dicantumkan dengan kata dasar [arti] terjadi penambahan fonem /a/ pada tengah dua suku kata tersebut.

Contoh penambahan fonem bahasa Dusun :

{ŋ-} + Arti = ŋarti(mengerti)

c. Hilang fonem

Chaer (2008) mengatakan proses hilang fonem adalah hilangnya fonem dalam suatu proses morfologi. Dalam kajian ini pengkaji hanya memperolehi dua sahaja, iaitu dalam imbuhan akhiran /-on/ dan imbuhan awalan /ŋ-/.

Jadual 6 Rumusan kajian pengkaji dalam proses hilang fonem

Imbuhan	Penerangan
/-o(n)/	Pengguguran dua fonem depan pada kata dasar yang bermula dengan vokal /a/, selepas menerima imbuhan akhiran ini
/ŋ-/	Pengguguran fonem pada awal kata dasar [kadim] iaitu fonem /k/

Contoh penambahan fonem bahasa Dusun :

akan + {-on} = kanon (makannya)
 {ŋ-} + kadim = ŋadim (memanggil)

d. Pergeseran Fonem

Menurut Chaer (2008: 45) juga mengatakan pergeseran fonem adalah perubahan posisi fonem dari satu suku kata ke suku kata yang lainnya.

Jadual 7 Rumusan kajian pengkaji dalam pergeseran fonem

Imbuhan	Penerangan
/-o(n)/	selain pengguguran fonem /a/ pada awal kata dasar 'alap', fonem /p/ merubah posisinya di dalam suku kata akhiran ini.

Contoh penambahan fonem bahasa Dusun :

[a]+[lap] + {-on} = [la] + [pon] = lapon (ambilkan)

e. Peluluhan Fonem

Luluhnya sebuah fonem serta disenyawakan dengan fonem lain, menurut Chaer (2008: 44) dalam bahasa Indonesia peluluhan fonem sering berlaku pada kata dasar yang bermula dengan fonem /s/ yang bergabung dalam proses morfologi dengan imbuhan /me-/ atau /pe/. Manakala dalam bahasa Dusun terdapat satu sahaja iaitu dalam alomorf /ɲ-/.

Jadual 8 Rumusan kajian pengkaji dalam peluluhan fonem

Imbuhan	Penerangan
/N-/	Morfem (N-) menjadi alomorf /ɲ-/ apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan fonem /s/ dan fonem tersebut digantikan dengan alomorf /ɲ-/.

Contoh peluluhan fonem bahasa Dusun:

{ɲ-} + savita = ɲavita (mencerita)

2. Proses Pengimbuhan Bahasa Dusun

Imbuhan ialah penambahan pada kata dasar untuk menghasilkan perkataan terbitan golongan tertentu seperti kata nama, kata kerja, kata sifat dan lain-lain (Othman, 1983). Terdapat enam proses pengimbuhan bahasa Dusun diperolehi dalam analisis ini iaitu imbuhan awalan, imbuhan akhiran, imbuhan apitan, imbuhan sisipan, kata kala lampau dan penggantian fonem awalan. Dalam proses ini pengkaji menyelitikan proses morfonemik serta pecahan golongan kata dalam data yang diperolehi. Terdapat dua jenis morfem yang dijumpai dalam imbuhan bahasa Dusun iaitu, morfem terikat dan morfem terikat terbahagi.

Othman (1983), mengatakan morfem terikat adalah morfem yang tidak dapat berdiri dengan sendiri dan memerlukan morfem lain. Misalnya kata 'bagandang', imbuhan /ba-/ adalah morfem terikat dan imbuhan tersebut memerlukan kata dasar

'gandang' untuk membentuk satu kata 'bagandang'. Manakala morfem terikat terbahagi adalah morfem yang posisinya terpisah dari kata, seperti, imbuhan apitan.

a. Imbuhan Awalan Bahasa Dusun

Proses imbuhan awalan bahasa Dusun di Kampung Bebuloh dapat dibahagikan kepada sembilan morfem terikat, iaitu /ba(K)-/, /do-/, /ga-/, /k(V)-/, /M-/, /N-/, /pa(N)-/, /sa(N)-/ dan /ta-/.

Jadual 9 Morfem Imbuhan bahasa Dusun dengan Alomorfnya.

Awalan	BD	BD	BD	BD	BD
	Fatimah (1994/95)	Yalim Ramai (1996/97)	Gee Nyok San (2001/02)	Aini Haji Karim (2013)	Pengkaji (2023)
{n(V)-}	{n-} → /n-/ /na-/ /nə-/	{n-} → /n-/ /na-/	{n-} → /n-/ /na-/ /ni-/ /nu-/	{n(V)-} → /n-/ /na-/	{n(V)-} → /n-/ /na-/ /an-/ /am-/
{ŋ(V)(N)-}	{ŋ-} → /ŋ-/ /ŋa-/ /ŋan-/ /ŋam-/ /ŋ-/	{ŋ-} → /ŋ-/ /ŋa-/ /ŋan-/ /ŋam-/	{ŋ-} → /ŋ-/ /ŋa-/ /ŋan-/ /ŋo-/ /ŋa-/	{ŋ(V)(N)-} → /ŋ-/ /ŋa-/ /ŋan-/ /ŋo-/ /ŋa-/	{ŋ(V)-} → /ŋ-/ /ŋa-/ /ŋo-/ /ŋ-/
{ba(K)-}	{ba-} → /ba-/ /bal-/	{ba-} → /ba-/ /bal-/	{ba-} → /ba-/ /bal-/	{ba(L)-} → /ba-/ /bal-/	{ba(K)-} → /ba-/ /bav-/ /bag-/ /bal-/
{do-}	-	-	-	-	-
{k(V)-}	{ka-}	{ka-}	{ka-}	{k(V)-} → /k-/ /ka-/	{k(V)-} → /k-/ /ka-/
{ta-}	{ta-}	{ta-}	{ta-}	{ta-}	{ta-}
{ga-}	-	-	-	-	{ga}
{pa(N)-}	{pa-}	{pa-}	{pa(N)-} → /pa-/ /pan-/ /pam-/ /paŋ-/ /pap-/	{pa-}	{pa(N)-} → /pa-/ /pan-/
{ya-}	{ya-}	{ya-}	-	-	-
{m(V)(N)-}	{maN-} → /m-/ /ma-/ /maŋ-/ /maj-/	{maN-} → /m-/ /man-/ /mam-/ /maŋ-/ /maj-/	{maN-} → /man-/ /mam-/ /maŋ-/ /maj-/	-	{m(V)(N)-} → /m-/ /ma-/ /man-/
{nak-}	-	-	{nak-}	-	-
{sa(N)-}	{sa-}	{sa-}	{sa-}	{sa-}	{sa(N)-} → /sa-/ /saŋ-/
{li-}	-	{li-}	-	-	-

Merujuk kepada **Jadual 9** di atas, kajian Yusof (1995) mendapati 9 morfem terikat, Ramai (1996/1997) mendapati 10 morfem terikat, San (2002), juga memperoleh sembilan morfem terikat dan Karim (2013) mendapati tujuh morfem terikat, Manakala pengkaji juga membuat perbandingan di antara imbuhan-imbuhan awalan bahasa Dusun dengan imbuhan awalan bahasa Bisaya yang diperolehi oleh Idris (2008) seperti di bawah ini :

Jadual 10 Perbandingan Morfem Imbuhan bahasa Dusun dan Bisaya dengan Alomorfnya.

Awalan	BD	BB
	Pengkaji (2020)	Dygku Hjh Juliani (2007/08)
{n(V)-}	{n(V)-} → /n-/	-

Awalan	BD	BB
	Pengkaji (2020)	Dycku Hjh Juliani (2007/08)
	/na-/ /an-/ /am-/ {ŋ(V)(N)-} → /ŋ-/ /ŋa-/ /ŋo-/ /ɲ-/ {ba(K)-} → /ba-/ /bag-/ /bal-/ {do-} {k(V)-} → /k-/ /ka-/ {ta-} {ga-} {pa(N)-} → /pa-/ /pan-/ - {ya-} {m(V)(N)-} → /m-/ /ma-/ /man-/ - {nak-} {sa(N)-} → /sa-/ /saŋ-/ {li-} -	- - {ba-} - - {ta-} - {pa(N)-} → /pa-/ /pam-/ /pan-/ /paŋ-/ /paŋ-/ /paŋa-/ {po-} - {maN-} → /m-/ /ma-/ /man-/ /mana-/ /mam-/ /maŋ-/ /maŋ-/ - {sa-} - {nai-}

Terdapat lima morfem awalan yang sama, yaitu /ba-/, /ta-/, /pa(N)-/, /m(V)(N)-/ dan /sa-/ dalam bahasa Bisaya dan data yang diperoleh oleh pengkaji dalam kajian bahasa Dusun ini.

Morfem {ba(K)-}

Dengan adanya morfem /ba-/ dalam proses pengimbuhan ini, terjadi pengejalan fonem dan penambahan fonem sebagai alomorf. Terdapat tiga alomorf di bawah morfem /ba-/, yaitu /ba-/, /bag-/ dan /bal-/.

Alomorf {ba-}

Alomorf /ba-/ berfungsi sebagai kata tambahan kepada kata dasar dan mampu mengubah maksud kata tersebut, dengan mengekalkan fonem yaitu tidak ada penambahan atau pengguguran sesuatu fonem mahupun pada alomorf itu atau kata

dasarnya. Hanya dua golongan kata sahaja yang diperolehi dalam alomorf /ba-/ bahasa Dusun, seperti di bawah ini :

Kata Nama

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ba-} +	[tahun]	[batahun] batahun	bertahun
	[pavai]	[bapavai] bapavai	berpadi
	[lobon]	[balobon] balobong	berkubur
	[kantan]	[bakantan] bakantang	bermusim
	[tinjat]	[batinjat] batingkat	bertingkat
	[kunjun]	[bakunjun] bakungkung	berantai
	[kilo]	[bakilo] bakilo	berkilo
	[buton]	[babuton] babutong	berbatang
	[siliw]	[basiliw] basiliw	berlantai

Dengan adanya proses pengimbuhan dari alomorf ini, golongan kata nama boleh berubah menjadi kata kerja dan memberi makna sebagai menggambarkan kelakuan seseorang atau sesuatu benda yang dibuat oleh orang lain.

Contoh ayat :

[29]Hajah Gambar : skula dewasa gulu njop na ingat..kamuan da buai no *batahun* da skula
 :[skula dewasa gulu ndzop na ingat.kamuan da buai no batahun da skula]
 : sekolah dewasa dahulu tidak lagi ingat..lupa sudah lama tu bertahun sudah
 sekolah
 [BMS]tidak lagi ingat tentang sekolah dewasa dahulu..kerana sudah bertahun lama

Kata Kerja Tak Transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ba-} +	[gandan]	[bagandan] bagandang	bergandang
	[pantan]	[bapantan] bapantang	berpantang
	[pindah]	[bapindah] bapindah	berpindah
	[guring]	[baguring] baguring	bergoreng
	[kadim]	[bakadim] bakadim	berpanggil
	[kuring]	[bakuring] bakuring	berkurung
	[bila]	[babila] babila	berbelah
	[limpan]	[balimpan] balimpang	berbaring
	[salaw]	[basalaw] basalaw	bersalai
	[julai]	[banulai] bangulai	berkacau
	[lapas]	[balapas] balapas	berlepas

Dalam golongan kata ini meskipun mengalami proses imbuhan, maknanya masih sama sebagai perbuatan (kata kerja) oleh seseorang terhadap sesuatu itu.

Contoh ayat :

[154]Hajah Gambar :Dui kawin tagulu ainno masam adau iti..adau iti bakadim
 :dui kawin tagulu ainno masam adau iti..adau iti bakadim
 :dui kahwin dahulu bukannya macam hari ini..hari ini berpanggil
 [dahulu majlis kahwin tidak seperti zaman sekarang..zaman sekarang berjemputan]

Morfem /ba-/ ditulis atau digunakan jika bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan fonem /t/, /p/, /g/, /k/, /b/, /l/ dan /s/. Manakala terdapat satu sahaja dari kata dasar yang bermula dengan fonem /ŋ/.

$$\text{Rumusan : } \{ba-\} > \# _ + \left\{ \begin{array}{c} t \\ p \\ g \\ k \\ b \\ l \\ s \end{array} \right\} \dots \#$$

Alomorf /baɣ-/

Awalan /baɣ-/ mempunyai persamaan dengan fungsi awalan /ba-/ iaitu sebagai tambah pada kata, namun tidak mampu merubah sifat kata tersebut. Alomorf /baɣ-/ mengalami penambahan dan pergeseran fonem, iaitu tambahan fonem /ɣ/ dengan morfem /ba-/. Selain itu, alomorf /baɣ-/ ini juga mengalami perubahan posisi fonem seperti, [ba] + [ɣu] + [ba^h] yang sepatutnya /ba/ + /ɣ/ itu bercantum.

Kata Kerja Tak Transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{baɣ-} +	[uba ^h] [anti]	[baɣuba ^h] barubah [baɣanti] baranti	berubah berhenti

Makna awalan ini juga sama seperti awalan /ba-/ bermaksud sedang melakukan sesuatu.

Contoh ayat :

- [2]Hajah Gambar : garan biasa njop *barubah* kakal Hajah Gambar
 :[gavan biasa ndʒop *baɣuba^h* kakal hadʒah gambar]
 : nama biasa tidak berubah masih Hajah Gambar
 [BMS]nama biasa sahaja, tidak berubah kekal Hajah Gambar

Penggunaan imbuhan awalan /baɣ-/ dijumpa pada kata yang bermula dengan vokal /a/ dan /u/, namun data ini perlu pengkukuhan dari tambahan data.

Alomorf {bag-}

Alomorf /bag-/ mempunyai fungsi sebagai tambahan kata, malah imbuhan ini mampu mengubah maksud kata tersebut. Alomorf ini mengalami penambahan dan pergeseran fonem, iaitu tambahan fonem /g/ dengan morfem /ba-/. Akan tetapi alomorf /bag-/ ini menjadi pecahan suku kata seperti, [ba] + [ga] + [pon] yang sepatutnya /ba/ + /g/ itu bercantum. Terdapat dua golongan kata dalam alomorf ini, seperti :

Kata Nama

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{bag-} +	[apon]	[bagapon] bagapon	memancing

Setelah digabungkan dengan imbuhan /bag-/, golongan kata ini mengalami perubahan sebagai kata kerja yang memberi makna perbuatan seseorang.

- [393]Salbiah : manau *bagapon* manau nyait

: [manau bagapon manau nait]
 : berjalan memancing berjalan menimba (ikan)
 [BMS] berjalan memancing dan menimba ikan

Kata kerja Tak transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{bag-} +	[ancak]	[bagancak] bagancak	bermasak

Dalam golongan kata ini hanya terjadi perubahan makna sahaja iaitu sedang melakukan sesuatu. Sebenarnya perkataan bermasak tidak ada dalam kamus bahasa Melayu, namun dalam dialek Melayu Brunei, ianya seerti dengan 'memasak'.

Contoh ayat :

[142] Hajah Gambar : tagulu sibuk no kumai *bagancak*
 : [tagulu sibuk no kumai *bagancak*]
 : dahulu sibuk tu tadi bermasak
 [BMS] dahulu kalau ada majlis tentu sibuk bermasak sendiri

Alomorf ini hanya dijumpai pada kata dasar yang bermula dengan vokal /a/ sahaja.

Rumusan : {bag-} > #__ + a#

Alomorf /bal-/

Fungsi awalan ini sebagai penambahan pada kata yang menjadikan kata itu membawa maksud yang lain pada kata asalnya. Alomorf ini terjadi kerana penambahan fonem /l/ terhadap morfem terikat /ba-/ dan menjadi alomorf /bal-/. Dalam alomorf ini juga ada mengalami pergeseran fonem, sama seperti alomorf /bag-/, iaitu [ba] + [la] + [ɟaɾ]. Hanya satu golongan kata dijumpai dalam imbuhan awalan bahasa Dusun ini iaitu Kata Kerja Tak Transitif.

Kata kerja Tak Transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{bal-} +	[aɟaɾ]	[baladɟaɾ] balajar	belajar

Manakala, makna awalan ini memberi maksud membuat sesuatu atau sedang melakukan sesuatu sebagai pekerjaan.

Contoh ayat :

[219] Hajah Gambar : /..aro *balajar* ko ka ko kuo Santih..njop ko tarus- tarus Tamarok../
 : [..avo *baladɟaɾ* ko ka ko kuo santih..ndɟop ko tarus-tarus tamarok..]
 : ..ada belajar yang ke yang apa Santih..tidak yang terus-terus Tamarok..
 [BMS]..ada belajar macam-macam lagi.. tidak terus-terus tahu macam mana tarian Tamarok itu

Morfem (do-)

Morfem ini berfungsi sebagai singkatan kata dan memberi makna penggandaan dalam kosa kata tersebut. Dalam proses pengimbuhan ini, tidak ada penambahan atau penguguran fonem dan masih mengekalkan fonem pada kata dasar dan juga pada

imbuhan tersebut. Terdapat satu golongan kata di bawah morfem ini, iaitu Kata Ganti Nama.

Kata Ganti Nama

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{do-} +	[dombo]	[dodombo] dodombo	di mana-mana

Contoh ayat :

[773]Haji Gapar : .. pindah tab kampung jalama.. pindah nuli *dodombo*..
 :[.. pindah tab kampung dzalaama.. pindah nuli *dodombo*..]
 :..pindah di kampung orang.. pindah balik di mana-mana..
 [BMS] pindah ke kampung orang.. pindah semula di mana-mana tempat..

Morfem {k(V)-}

Dalam morfem ini terdapat penambahan dan pengejalan fonem sehingga menjadi dua alomorf iaitu, /k-/ dan /ka-/.

Alomorf (k-)

Berfungsi sebagai fonem tambahan kata kerja dan dari segi makna pula, tidak mengubah makna kosa kata tersebut walaupun dengan adanya imbuhan ini. Dengan adanya proses pengimbuhan dengan kata dasar, pengejalan fonem masih kekal dan tidak mengalami perubahan.

Kata Kerja Tak Transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{k-} +	[alap]	[kalap] kalap	dapat/ boleh

Contoh ayat:

[838]Haji Gapar : o' o wujud tagulu..wujud andi kalap ih..ah bono-bono andi kalap
 :[o?o wudzud tagulu..wudzud andi kalap ih..ah bono-bono andi kalap]
 : betul sebab dahulu..sebab tidak dapat ih..ah benar-benar tidak dapat
 [BMS]betul dahulu tidak mampu, betul-betul tidak mampu

Alomorf (ka-)

Alomorf ini berfungsi sebagai penambahan golongan kata dan memberi makna sebagai menyatakan tentang sesuatu. Alomorf ini terjadi kerana penambahan fonem /a/ pada morfem {k(V)-} dan menjadi alomorf /ka-/. Terdapat dua golongan kata di bawah alomorf ini iaitu :

Kata Adjektif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ka-} +	[diok]	[kadiok] kadiok	sedikit

Walaupun terjadinya proses morfologi terhadap kata dasar ini maknanya tidak berubah dan masih di dalam golongan kata yang sama sebagai menyatakan sifat sesuatu benda atau seseorang.

Contoh ayat :

[466]Hajah Gambar : alan sancam sali'it ba..alan salaow..salaow kasa lagi *kadiok*
 :[alan sancam sali?it ba..alan salaow..salaow kasa lagi *kadiok*]
 : untuk masak semua..untuk salai..salai baik lagi sikit
 [BMS]untuk dimasak semua..disalai..kalau disalai lagi bertambah sedap

Kata Nama

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ka-} +	[tagu]	[katagu] katagu	berselera

Pada mulanya kata dasar 'tagu' tergolong di bawah kata nama, namun setelah mengalami proses pengimbuhan dengan alomorf /ka-/ kata terbitan menjadi kata kerja tak transitif dan membawa makna perbuatan terhadap sesuatu.

Contoh ayat:

[685]Hajah Gambar	: bah..njop no ku katagu..
	: [bah..ndʒop no ku katagu..]
	: tidak lah ku berselera
	[BMS] hilang selera ku

alomorf ini bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan fonem /d/ dan /t/, namun keterangan ini tidak kukuh kerana hanya didapati satu sahaja pada setiap contoh.

Morfem (m(V)(N)-)

Dalam morfem ini terdapat tiga alomorf, seperti /m-/, /ma-/, /man-/. Alomorf ini terjadi kerana pengekal fonem dan penambahan fonem setelah berlakunya proses morfologi. San (2001/2002), mengatakan terdapat alomorf /ma-/ baku, /mo-/ baku di dalam morfem ini, padahal imbuhan tersebut adalah imbuhan awalan /m-/ sahaja yang tercantum dengan kata dasarnya sehingga menjadikan bunyi suku katanya berubah. Contohnya kata terbitan 'matai' yang pada mulanya 'atai' dan digabungkan dengan awalan /m-/ jadi [ma] + [tai].

Alomorf /m-/

Fungsi awalan /m-/ ini sebagai tambahan kata dan mengubah pendirian kata tersebut. Alomorf ini masih mengekalkan fonem pada kata dasar dan tidak ada perubahan. Terdapat satu golongan kata dalam alomorf ini, seperti :

Kata Kerja Tak Transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{m-} +	[alap]	[malap] malap	dapat / boleh
	[ancak]	[mancak] mancak	masaki
	[aiə]	[maiə] maie	habisi
	[ikot]	[mikot] mikot	hadiri/ datangi
	[odop]	[modop] modop	sedang/sudah tidur

Dari segi maknanya, awalan ini memberi erti seseorang sedang melakukan sesuatu.

Contoh ayat :

[229]Hajah Gambar	: pantang bala yo tamarok no mai bulan aguh..andi <i>malap</i> makan puni..
	: [pantaj bala yo tamarok no mai bulan aguh..andi malap makan puni..]
	: pantang semasa ia tamarok tu tadi bulan baru..tidak boleh makan telur..
	[BMS] pantang bagi orang yang mengikuti tarian tamarok itu adalah apabila bulan baru tiba, mereka tidak dibenarkan memakan telur

Jika diperhatikan imbuhan /m-/ ini kerap digunakan pada kata yang bermula dengan Vokal /a/. Akan tetapi hanya satu data sahaja yang bermula dengan fonem /i/ dan /o/ yang tidak mempunyai keterangan yang kukuh.

Rumusan : {m-} > # __ + a.... #

Alomorf /ma-/

Berfungsi sebagai penambahan pada kata kerja. Alomorf ini mengalami penambahan fonem /a/ kepada morfem /m-/ dan menjadi awalan /ma-/. Terdapat satu golongan kata di dalam alomorf ini, iaitu:

Kata Kerja Tak Transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ma-} +	[baba] [matai]	[mababa] mababa [mamatai] mamatai	menyikut Membunuh

Dari segi makna, alomorf ini hanya memberi makna tentang perbuatan seseorang, seperti sedang melakukan sesuatu perkerjaan.

Contoh ayat :

[111]Hajah Gambar : ih manau atis..lasu-lasu alan *mababa*
:[ih..manau atis..lasu-lasu alan mababa]
: ih..jalan kaki..panas-panas untuk menyikut
[BMS] jalan kaki, di cuaca yang panas sambil menyikut barang

Dari penggunaan awalan ini dapat dilihat bahawa awalan tersebut hanya terjadi pada awalan kata yang bermula dengan konsonan /b/ dan /m/, tetapi memerlukan beberapa data lagi untuk mengukuhkan penyataannya.

Alomorf /man-/

Berfungsi sebagai kata tambahan pada kata adjektif. Manakala dari maknanya pula menerangkan sifat sesuatu itu lebih jelas atau perbuatan/perlakuan.

Kata Adjektif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{man-} +	[tuon]	[mantuon] mantuon	malam-malam

Memberi maksud tentang suasana kawasan tersebut.

Contoh ayat :

[383]Salbiah : jami tagulu kadang-kadang manau *mantuon*
:[ɗjami tagulu kadaŋ-kadaŋ manau mantuon]
: kami dahulu kadang-kadang berjalan malam-malam
[BMS]kami dahulu, waktu malam pun kami berjalan keluar

Kata Nama

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{man-} +	[culu ^h]	[manculu ^h] manculuh	menyuluh

kata dasar ini berasal dari golongan kata nama. Namun setelah mengalami proses pengimbuhan, kata dasar 'culuh' menjadi kata kerja transitif yang memberi makna perbuatan seseorang terhadap sesuatu.

Contoh ayat:

[429]Salbiah : manau *manculuh* sa'ai *manculuh* palanduk..
 :[manau *manculuh* sa?ai *manculuh* paanduk..]
 : jalan mensuluh 'sa'ai' (katak sungai) mensuluh pelanduk..
 [BMS] jalan menyuluh katak sungai dan pelanduk..

Morfem (n(V)-)

Dalam morfem ini dijumpai empat alomorf iaitu /n-/, /na-/, /an-/ dan /am-/. Terdapat penambahan fonem dan pengekal fonem dalam morfem ini untuk menjadikannya sebagai alomorf.

Alomorf /n-/

Berfungsi sebagai penambahan pada awal kata kerja dan memberi makna sedang atau telah melakukan sesuatu. Alomorf ini masih mengekalkan fonemnya dan pada kata dasar, tanpa merubah atau menambah fonem yang lainnya. Hanya golongan kata kerja tak transitif sahaja dijumpai dalam alomorf ini.

Kata Kerja Tak Transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{n-} +	[da'u]	[nda?u] nda'u	sedang turun

Dijumpai pada awalan kata dasar yang bermula dengan fonem /d-/. Tetapi pernyataan tersebut tidak kukuh kerana hanya dijumpai satu data sahaja.

Contoh ayat :

[242]Hajah Gambar :..tamarok bono no kajun njop *nda'u* tana no tuah..talu ngadau
 :[.tamarok bono no kadzun ndzop *nda?u* tana no tuah..talu ndau]
 :..tamarok betul tu kata orang tidak turun tanah tu Tuah..tiga hari
 [BMS] orang yang mengikuti tarian tamarok itu dilarang untuk turun ke tanah selama tiga hari

Alomorf /na-/

alomorf ini berfungsi sebagai penambahan golongan kata. Selain itu juga, alomorf ini mengalami penambahan fonem /a/ pada morfem /n-/ dan menjadi alomorf /na-/. Hanya golongan kata adjektif sahaja dijumpai di bawah alomorf ini.

Kata adjektif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{na-} +	[buai]	[nabuai] nabuai	sudah lama

Setelah menerima imbuhan /na-/ golongan kata ini berubah menjadi kata nama, yang bermaksud jangka masa tentang peristiwa sesuatu. Imbuhan awalan ini juga sama seperti dalam proses kata kala lampau.

Contoh ayat :

[567]Hajah Gambar :ih *nabuai* no Tuah taun puro bandar no.. kali kau malih.. rama'an tih sakantung
 :ih nabuai no tuah taun puro bandar no..kali kau malih.. rama?an tih sakantun

:ih sudah lama tu Buah tahun berapa bandar tu..kali kau membeli.. rumahan ni sekantung
[sudah lama cerita tu, Buah. Tahun berapa kita ke Bandar tu? Yang membeli ikan rumahan dapat sekantung kertas]

Alomorf (an-)

Alomorf ini berfungsi sebagai tambahan pada kata kerja. Setelah mengalami proses pengimbuhan, morfem /n-/ menerima tambahan fonem /a/ pada depannya dan menjadi alomorf /an-/. Terdapat golongan kata kerja tak transitif sahaja dijumpai yang bergabung dengan alomorf ini.

Kata Kerja Tak Transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{an-} +	[dʒuluk] [dapit]	[andʒuluk] anjuluk [andapit] andapit	menjuluk dihantar

Setelah digabungkan dengan imbuhan /an-/ dan menjadi kata terbitan yang memberi makna perbuatan seseorang terhadap orang lain atau sesuatu benda.

Contoh ayat :

[496]Hajah Gambar :..ih yantud yaki aan *anjuluk* jaie tih kangkuh
:[..ih jantud jaki aan andʒuluk dʒaiə tih kanʒukh]
: ih moyang nenek apa menjuluk aku ni kataku
[BMS]saya berkata 'eh moyang nenek siapa kah yang menjuluk saya ni?'

[834]Haji Gapar : /..*andapit* mok kabun mok tina kaja. Kaja bata pernah ni../
:[..andapit mok kabun mok tina kaʒa. kaʒa bata paɣnah ni..]
:..dihantar dekat kebun dekat Tina kerja..kerja bata pernah juga
[BMS] dihantar dekat kebun si Tina bekerja..saya juga pernah bekerja sebagai tukang membuat batu bata

Alomorf /am-/

Berfungsi sebagai penambah pada kata kerja dan memberi makna sedang melakukan sesuatu. Alomorf ini sebenarnya dari fonem /n-/ dan menerima perubahan fonem /n/ menjadi /m/ serta tambahan fonem /a/.

Kata Kerja Tak Transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{am-} +	[palun]	[ampalun] ampalung	membaling

Contoh ayat :

[836]Haji Gapar :njop ni buai sedang ni rosono ni panakod bata alan tarak ampalung ataupun lam tarak.
:[ndʒop ni buai sadan ni rosono ni panakod bata alan tarak ampalun ataupun lam tarak]
:tidak juga lama sedang juga rasanya menaiki bata tempat trak membaling ataupun dalam trak.
[BMS] sakit rasanya menaiki batu bata ke dalam trak.

Morfem /ŋ(K)-/

Terbahagi kepada tiga alomorf sahaja, iaitu /ŋ-/ , /ŋa-/ , /ŋo-/ dan /ŋ-/. Dalam morfem ini dijumpai pengekal fonem, penambahan fonem dan peluluhan fonem dan menjadi alomorf.

Alomorf /ŋ-/

Berfungsi sebagai tambahan pada kata kerja dan kata nama. Dari segi perbuatan atau sedang melakukan.

Kata Nama

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ŋ-} +	[uruh]	[ŋuruh] nguruh	mengubat
	[isi]	[ŋisi] ngisi	mengisi
	[inan]	[ŋinan] nginan	ekor/ untuk jumlah
	[umih]	[ŋumih] ngumih	biji/ untuk jumlah

Terdapat dua bahagian makna mengikut data yang diperolehi, iaitu perbuatan seseorang terhadap sesuatu sesuatu atau orang lain dan makna dalam penjodoh bilangan, iaitu kiraan atau jumlah sesuatu.

Contoh ayat :

[612]Salbiah : talu *ngumih* (ketawa)
:[talu ŋumih]
: tiga biji

Kata Kerja Tak Transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ŋ-} +	[ancak]	[ŋancak] ngancak	memasak
	[alap]	[ŋalap] ngalap	mengambil
	[ubah]	[ŋubah] ngubah	mengubah

Memberi makna seseorang yang sedang melakukan sesuatu atau sifat benda.

Contoh ayat:

[874]Sayong :ngalap ranggaw na yo no mai. dang kau tantu-tantu. Moncoi kau sadu-sadu oo njop mara lagi no. Ngaripak. Kabang kajunno birah
:[ŋalap rangaw na jo no mai. dan kau tantu-tantu. moncoi kau sadu-sadu oo ndɔp mara lagi no. ŋavipak. kabar kajunno birah]
:mengambil rotan lah tu ya tadi. Jangan kau main-main. Baik kau jauh-jauh betul, tidak bagitahu lagi tu. Melapik. Mulut katanya celupar
[BMS] kalau dia sudah mengambil rotan. Baik kamu berjaga-jaga dan menjauhi dirinya. Sebab dia tidak akan memberitahu dan terus merotan sambil berkata 'mulut itu celupar'

Kata Kerja Transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ŋ-} +	[ibit]	[ŋibit] ngibit	membawa
	[ijaw]	[ŋijaw] ngiyaw	menghidup
	[alan]	[ŋalan] ngalang	menghalang
	[isu]	[ŋisu] ngisu	memakai
	[inton]	[ŋinton] ngintong	melihat
	[abur]	[ŋabur] ngabur	merendam
	[ojon]	[ŋojon] ngoyon	menghadir
	[umo]	[ŋumo] ngumo	meneman

Memberi makna perbuatan seseorang tentang sesuatu atau terhadap orang lain.

Contoh ayat:

[144]Hajah Gambar : bagancak no kumai *ng*ibit nindah. ba bila lama matai banca dusun ti
 : bagancak no kumai *n*jibit nindah. ba bila lama matai banca dusun ti
 : bermasak tu tadi membawa barang. Bila orang mati bangsa dusun ni
 [kalau ada orang mati berbangsa Dusun, orang ramai akan membawa
 barang dan sedia memasak sendiri-sendiri sahaja]

Penggunaan alomorf ini dapat dilihat, kebanyakannya dari kata dasar yang bermula dengan vokal /a/, /i/, /u/ dan hanya satu data sahaja yang menggunakan vokal /o/.

Rumusan : {ŋ-} > # __ + $\left\{ \begin{matrix} a \\ i \\ u \end{matrix} \right\} \dots \#$

Alomorf /ŋa-/

Berfungsi sebagai penambahan pada kata kerja dan memberi makna sedang melakukan atau membuat sesuatu oleh seseorang.

Kata kerja Transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ŋa-} +	[dapit]	[ŋadapit] ngadapit	menghantar
	[lilik]	[ŋalilik] ngalilik	menebas
	[bulo]	[ŋabulo] ngabulo	memula
	[baca]	[ŋabaca] ngabaca	membaca

Maksud alomorf ini sama seperti alomorf /ŋ-/ yang menunjukkan perbuatan seseorang terhadap sesuatu.

Contoh ayat :

[172] Salbiah : ..cam bo gat adat tagulu..jati manau *ng*adapit aa miyanai ino pas ino?
 : [..cam bo gat adat tagulu..dʒati manau ŋadapit aa mijanai ino pas ino]
 : ..macam mana kan adat dahulu..kita jalan menghantar aa lelaki itu lepas
 itu.. ?
 [BMS] bagaimana adat berkhawin dahulu? menghantar belah lelaki,
 selepas itu apa?

Kata dasar yang sering bercantum dengan alomorf ini yang bermula dengan konsonan akan tetapi hanya konsonan /b/ sahaja didapati kekerapan sebanyak dua kali malah konsonan /d/ dan /l/ hanya sekali sahaja.

Rumusan : {ŋa-} > # __ + b....#

Alomorf /ŋo-/

Berfungsi sebagai penambah pada kata nama dan memberi makna dikerjakan atau dilakukan oleh seseorang.

Kata Nama

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ŋo-} +	[lobon]	[ŋolobon] ngolobong	mengubur
	[obon]	[ŋobon] ngobon	mending

Memberi maksud perbuatan seseorang atau sifat benda terhadap sesuatu.

Contoh ayat :

[419]Hajah Gambar : no muk alan iro Kayum no..alanno *ngobon*..
 : [no muk alan iro kajum no..alanno *ɲobon*.]
 : tu dekat tempat mereka Kayum tu..untuknya dinding..
 [BMS] didindingnya dekat tempat si Kayum

Penggunaan alomorf ini tidak dapat dirumuskan, kerana data yang diperolehinya hanya terhad terhadap dua jenis dan berlainan konsonan, iaitu /l/ dan /o/.

Alomorf /ɲ-/

Berfungsi Sebagai tambahan pada kata kerja dan kata nama. Setelah mengalami proses imbuhan, morfem /n-/ mengalami peluluhan fonem terhadap kata dasar yang berawalan fonem /s/ sehingga berubah menjadi imbuhan awalan /ɲ-/ dan mengugurkan fonem /s/. terdapat dua golongan kata dijumpai dalam alomorf ini, iaitu :

Kata Nama

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ɲ-} +	[samai]	[ɲamai]	menyemai

Memberi makna perbuatan seseorang terhadap sesuatu.

Contoh ayat : (rujuk pada imbuhan akhiran /-an/)

Kata Kerja Tak Transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ɲ-} +	[sabɪt]	[ɲabɪt] nyabit	(menyebut)
	[suʔu]	[ɲuʔu] nyu'u	(menyuruh / mengarah)
	[sugut]	[ɲugut] nyugut	(mengikut)
	[sambut]	[ɲambut] nyambut	(meyambut)
	[saluru]	[ɲaluru] nyaluru	(menyeluru/ dipermainkan)
	[sauk]	[ɲauk] nyauk	(menyauk/ digayung)
	[ɟuluk]	[ɲuluk] nyuluk	(menjuluk)

Dari segi makna, membawa maksud perbuatan seseorang terhadap sesuatu atau seseorang.

Contoh ayat:

[494]Hajah Gambar :..aku tih jarih alan iro *nyaluru* tih gulu..ko kambang-kambangan da tuo da
 :[aku tih ɟayah alan iro ɲaluru tih gulu..ko kambaŋ-kambaŋan da tuo da]
 :aku ni selalu mereka buli ni dulu..yang 'kambang-kambangan' sudah tua
 sudah
 [BMS]saya sering dimainkan oleh mereka..tua-tua pun masih berperangai
 budak-budak

Akan mengubah pada kata dasar yang bermula dengan konsonan /s/ menjadi /ɲ-/. Akan tetapi terdapat satu kata dasar bahasa Dusun yang bermula dengan fonem /ɟ/

, jadi pengkaji tidak dapat menyatakan kebenaran tentang pernyataan tentang /dʒ/ digugurkan menjadi /ɲ-/

Rumusan : {ny-} > #__+ s -->∅....#

Morfem /ga-/

Berfungsi sebagai tambahan pada golongan kata kerja. Meskipun mengalami proses pengimbuhan, kata dasar mahupun morfem masih menetapkan fonem-fonemnya dan tidak mengalami perubahan.

Kata Kerja Tak Transitif

Alomorf {ga-} +	Kata dasar BD [taʔak]	Kata terbitan [gataʔak] gata'ak	BMS Meminta
---------------------------	---------------------------------	---	-----------------------

memberi makna membuat sesuatu terhadap seseorang atau orang lain.

Contoh ayat :

[363]Hajah Gambar : untuk sakula iro bo ti..iyo no gata'ak ti
:[untuk sakula iro bo ti..ijo no gataʔak ti]
: untuk sekolah mereka ni..ia lah meminta ni
[BMS]untuk kerja sekolah mereka, sebab itu meminta temu bual

Morfem ini hanya dijumpai satu sahaja dalam kajian ini dan tidak dapat nyatakan bahawa morfem /ga-/ hanya terjadi pada kata dasar yang memiliki konsonan depan /t/.

Morfem (pa(N)-)

Terdapat dua alomorf dalam morfem ini iaitu /pa-/ dan /pan-/. Dalam morfem ini terdapat proses morfonemik dalam penambahan fonem.

Alomorf /pa-/

Berfungsi sebagai penambahan golongan kata kerja. Meskipun menerima awalan, kata dasar dan alomorf tetap mengekalkan fonem dan tidak ada perubahan. Hanya satu golongan kata saja yang dijumpai di dalam alomorf ini, iaitu :

Kata Kerja Transitif.

Alomorf {pa-} +	Kata dasar BD [bali ^h]	Kata terbitan [pabali ^h] pabalih	BMS dijual
---------------------------	--	--	----------------------

Maknanya perbuatan atau pekerjaan seseorang kepada sesuatu benda.

Contoh ayat :

[509]Salbiah : pi njop alan makan..pabalih
:[pi ndʒop alan makan..pabalih]
: tapi tidak untuk makan..dijual
[BMS] tidak untuk dimakan, namun untuk dijual

Alomorf /pan-/

Berfungsi sebagai penambah kata kerja dan memberi makna sebagai dilakukan oleh seseorang terhadap sesuatu benda. (sila rujuk dalam proses morfonemik bahagian perubahan fonem)

Morfem /sa(N)-/

Terdapat dua alomorf dalam morfem ini, yaitu /sa-/ dan /saŋ/. Dalam morfem ini terjadi penambahan fonem dan pengekal fonem.

Alomorf /sa-/

Berfungsi sebagai penambah kata untuk bilangan. Walaupun mengalami proses morfologi, kata dasar mahupun alomorf ini masih mengekalkan fonemnya tersendiri. Selain itu, terdapat dua golongan kata di dalam alomorf ini, seperti :

Kata Nama

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{sa-} +	[bulan]	[sabulan] sabulan	Sebulan
	[kali]	[sakali] sakali	Sekali
	[inan]	[sainan] sainan	seekor
	[tiap]	[satiap] satiap	Setiap
	[mingu]	[samingu] saminggu	Seminggu
	[kantun]	[sakantun] sakantung	seplastik/ sebag
	[kilo]	[sakilo] sakilo	Sekilo

Makna awalan ini adalah bilangan atau jumlah satu.

Contoh ayat :

[160]Hajah Gambar : njop no suang mun na sainan..na?
: ndɔp no suaŋ mun na sainan..na?
: tidak juga banyak, hanya sebuah

Kata Bantu

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{sa-} +	[balum]	[sabalum] sabalum	Sebelum

Mengubah dari golongan kata bantu menjadi golongan kata hubung, iaitu memberi maksud kejadian sesuatu keadaan.

Contoh ayat :

[284] Salbiah : ..sabalum ko baparai no mai suang banca pantangno lama ngalilik
:[..sabalum ko bapaŋai no mai suaŋ banca pantaŋno lama ŋalilik]
:..sebelum berpadi tu tadi banyak jenis pantangnya orang menebas
[BMS] sebelum berpadi juga ada pantang larangnya, seperti ketika menebas semak- samun

Dalam penggunaan alomorf ini didapati kebanyakan kata dasarnya bermula dengan konsonan iaitu, /b/, /k/, /t/, /m/ dan satu dari vokal /i/.

Rumusan : {sa-} > # ___ + $\begin{Bmatrix} b \\ k \end{Bmatrix}$ #

Alomorf /saŋ-/

Berfungsi sebagai pernyataan dalam golongan kata nama. Alomorf ini terjadi kerana penambahan fonem /ŋ/ dalam morfem /sa-/ dan menjadi alomorf /saŋ-/.

Kata Nama

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{sar-} +	[alai] [adau]	[sarjalai] [sarjadau]	serumah/ satu rumah Sehari/ satu hari

dari segi makna, memberi maksud pengiraan atau bilangan terhadap sesuatu

Contoh ayat :

[177]Hajah Gambar	: njop no <i>sang</i> adau kawin ino no :[ndʒop no sarjadau kawin ino no] : tidak lah seharian kahwin itu tu [BMS]majlis kahwin tidak dilakukan dalam sehari
-------------------	---

Morfem /ta-/

Berfungsi sebagai penambahan terhadap golongan kata. Terdapat tiga golongan kata dijumpai di dalam morfem ini, iaitu :

Kata Adjektif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ta-} +	[tuo]	[tatuo] tatuo	orang tua-tua

Makna imbuhan ini pula sebagai merujuk bilangan atau pengandaan seseorang.

Contoh ayat :

[272]Hajah Gambar	: sengaieno..tatuo gulu : səŋaiəno..tatuo gulu : semuanya..orang tua dulu
-------------------	---

Kata Kerja Tak Transitif

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ta-} +	[bali ^h]	[tabali ^h] tabalih	terbeli

Kalau dalam bahasa Melayu bermaksud melakukan sesuatu yang tidak sengaja, namun maksud alomorf ini dalam bahasa Dusun adalah dari sifat kemampuan seseorang.

Contoh ayat:

[454]Hajah Gambar	: ..umow makan njop <i>tabalih</i> ..ba njop aro kaja a'an alan malih.. :[..umow makan ndʒop tabalih..ba ndʒop aro kaʒa aʔan alan malih..] :..minyak makan tidak terbeli..tidak ada kerja apa untuk membeli.. [BMS]minyak makan tidak mampu membeli sebab tidak ada pekerjaan
-------------------	--

Kata Sendi

Alomorf	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{ta-} +	[gulu]	[gulu] tagulu	dahulu

Memberi maksud tentang sesuatu kejadian atau peristiwa yang sudah lama.

Contoh ayat:

[858]Sayong	:tagulu sada suang tiap bawang ah.. :[tagulu sada suan tiap bawan ah..] :dahulu ikan banyak di setiap sungai.. [BMS] zaman dahulu, di setiap sungai terdapat banyak ikan
-------------	---

b. Imbuhan Akhiran Bahasa Dusun.

Pengkaji hanya menemui lima imbuhan akhiran, iaitu /-an/, /-no/, /-on/, /-ka/ dan /-kan/. Di bawah ini adalah rumusan perbandingan imbuhan akhiran dengan kajian lepas, bahasa Dusun dan bahasa Bisaya:

Jadual 11 Perbandingan imbuhan akhiran dengan kajian lepas

	BD	BD	BD	BD	BD	BB
Akhiran	Fatimah (1994/1995)	Yalim Ramai (1996/1997)	Gee Nyok San (2001/2002)	Aini Haji Karim (2013)	Pengkaji	Dygku Hjh Juliani
{-an}	-	-	-	-	{-an}	{-an}
{-no}	-	-	-	-	{-no}	-
{-o(N)}	{-on}	{-o(N)}→/- o/ /-on/	{-o(N)}→/- o/ /-on/	{-o(N)}→/- o/ /- on/	{-on}	{-on}
{-ka(N)}	-	-	-	-	{-ka(N)}→/- ka/ /- kan/	{-kan}
{-i}	{-i}	{-i}	-	-	-	{-i}

Hanya imbuhan akhiran /-on/ sahaja dijumpai dalam semua kajian lepas, mahupun dalam bahasa Dusun dan bahasa Bisaya. Namun pengkaji mendapati akhiran /-an/ yang juga dijumpai dalam kajian bahasa Bisaya, tetapi tidak ada dalam kajian lepas bahasa Dusun.

Akhiran /-an/

berfungsi sebagai penambahan kata pada akhiran. Terdapat satu golongan kata pada akhiran ini, iaitu :

Kata Nama

Kata dasar BD
[tanda]

Akhiran
+ {-an}

Kata terbitan
[tandaan] tandaan

BMS
penanda

Setelah kata dasar ini menerima imbuhan /-an/, maknanya berubah menjadi kata kerja sebagai penunjuk terhadap sesuatu keadaan.

Contoh ayat :

[290]Salbiah

..lapas ino kumai sablum ikaw baparai da ino nanom..nyamai iyo ni kumai maya tandaan..

..lapas ino kumai sablum ikaw bapavai da ino nanom jamai ijo ni kumai maja tandaan..

..lepas itu tadi sebelum kau berpadi sudah itu menanam..menyamai sama jua tadi dengan tandaan..

[...selepas itu, sebelum berpadi dan mula menanam.. menyamai kena ikut penanda (pantang larang)]

Akhiran /-no/

Morfem ini berfungsi sebagai penunjuk, tetapi tidak mengubah erti kosa kata dan memberi makna kepunyaan atau milik seseorang. Walaupun mengalami proses

morfologi, kehadiran morfem ini tidak mengubah fonem-fonem yang terdapat pada kata dasar mahupun morfem tersebut.

Kata dasar BD	Akhiran	Kata terbitan	BMS
[asal]	+ {-no}	[asalno] asalno	asalnya
[awad]		[awadno] awadno	panjangnya
[banca]		[bancano] bancano	jenisnya
[tagulu]		[taguluno] taguluno	dahulunya
[tanaiaə]		[tanaiaəno] tanaieno	perutnya
[tuŋku]		[tuŋkuno] tungkuno	bangkunya
[kila]		[kilano] kilano	nantinya
[kon]		[Konno] konno	untuknya
[ain]		[ainno] ainno	bukannya
[gavan]		[gavanno] garanno	namanya
[pantaŋ]		[pantaŋno] pantangno	pantangnya
[sawo]		[sawono] sawono	isterinya
[ano]		[anono] anono	suaminya
[bulan]		[bulanno] bulanno	bulannya
[musim]		[musimno] musimno	musimnya
[arti]		[artino] artino	ertinya
[suʔon]		[suʔonno] suʔonno	suruhnya
[savit]		[savitno] saritno	ceritanya
[lain]		[lainno] lainno	lainnya
[masa]		[masano] masano	masanya
[isi]		[isino] isino	isinya
[roso]		[rosoŋno] rosono	rasanya

Contoh ayat :

[588]Salbiah : da kangkuh gayo kantung katas ino awadno masam ino
 :[da kaŋkuh gajo kantuŋ katas ino a^wadno masam ino]
 : sudah kataku besar kantung kertas itu panjangnya macam itu
 [BMS] betul bag kertas itu panjangnya seperti itu (menunjuk sesuatu benda)

[601]Hajah gambar : pait rosono tanaieno
 :[pait rosono tanaiəno]
 : pahit rasanya perutnya
 [BMS] rasa perut ikan itu pahit

Akhiran /-ka/

Berfungsi sebagai penambahan kata akhir pada kata dasar dan memberi makna sebagai perbandingan sesuatu atau menyatakan sesuatu yang salah lalu dibetulkan.

Kata Nafi

Kata dasar BD	Akhiran	Kata terbitan	BMS
[ain]	+ {-ka}	[ainka] ainka	bukannya

Contoh ayat:

[483]Hajah Gambar :sawat no mai daun embio..*ainka* jing..aguh iti bajing..gulu daun bio kali
 :[sawat no mai daun əmbio..*ainka* dʒiŋ..aguh iti baɗʒiŋ..gulu daun bio kali
 :tinggi tu tadi daun rumbia..bukannya zink..baru ini berzink..dulu daun rumbia saja
 [BMS] dahulu membuat bumbung tinggi diperbuat daripada daun rumbia
 bukannya zink, zaman sekarang menggunakan zink

Akhiran /-kan/

Berfungsi sebagai penambahan kata dalam golongan kata kerja transitif dan memberi makna pernyataan tentang sesuatu yang diketahui secara umum.

Kata Kerja Transitif

Kata dasar BD	Akhiran	Kata terbitan	BMS
[Lamantau]	+ {-kan}	[lamantaukan] lamantaukan	timbulkan

Contoh ayat:

[430]Hajah Gambar	:	sadano bala mantuon..lamantau <i>kan</i>
	:	sadano bala mantuon..lamantaukan
	:	ikannya bila malam..timbulkan

c. Imbuhan Apitan Bahasa Dusun

Terdapat satu imbuhan apitan, iaitu /p-...-no/ yang dijumpai dalam kajian ini. Di bawah ini adalah rumusan perbandingan imbuhan apitan yang diperolehi oleh kajian-kajian lepas bahasa Dusun dan bahasa Bisaya serta data yang diperolehi oleh pengkaji.

Jadual 12 Perbandingan Imbuhan Apitan dengan kajian lepas

BD	BD	BD	BD	BD	BB
Fatimah (1994/1995)	Yalim Ramai (1996/1997)	Gee Nyok San (2001/2002)	Aini Haji Karim (2013)	Pengkaji	Dydku Hjh Juliani
-	-	-	-	-	-
-	-	-	-	/p-...-no/	-
-	-	-	-	-	-
-	-	-	-	-	/sa-...-an/
/p-...-on/	/p-...-on/	/p-...-on/	/p-...-on/	-	-
-	-	-	-	-	/pa-...-an/
-	-	/pan-...-an/	-	-	-
-	-	/pam-...-an/	-	-	-
-	-	/paŋ-...-an/	-	-	-
/ka-...-an/	/ka-...-an/	/ka-...-an/	-	-	/ka-...-an/

Merujuk jadual di atas, data yang pengkaji perolehi belum ada didapati oleh mana-mana pengkaji, baik kajian-kajian bahasa Dusun mahupun bahasa Bisaya. Pengkaji berpendapat apitan /pa(N)-...-an/ yang diperolehi oleh Gee Nyok San (2001/2002) adalah apitan dari bahasa Melayu Brunei. Hal ini ada persamaan dalam kajian Mataim Bakar (1986/87) tentang *Morfologi Dialek Brunei*.

Apitan /p-...-no/

Berfungsi sebagai kata tambahan pada golongan kata kerja. Apitan ini sama seperti pada imbuhan /p-/ yang mengalami peluluhan fonem pada kata dasar yang bermula dengan fonem /s/, akan tetapi imbuhan ini juga menerima tambahan akhiran iaitu, /-no/.

Kata Kerja Transitif

Apitan BD	Kata dasar BD	Kata terbitan	BMS
{p-...-no} +	[sabit]	[pabitno] nyabitno	disebutnya

Maknanya, menyatakan sesuatu perbuatan(dalam percakapan) orang lain atau diri sendiri.

Contoh ayat:

[12]Hajah Gambar : nyabitno gulu bisaya tapi jati ti Dusun pasan ku ih
 : [nabitno gulu bisaja tapi dꞑati ti Dusun pasan ku ih]
 : disebutnya dulu Bisaya tapi kami ini Dusun perasaan ku ih
 [BMS] Dahulu dikatakan berbangsa Bisaya, tapi tidak silap saya kami ini berbangsa Dusun

d. Imbuhan Sisipan Bahasa Dusun.

Pengkaji hanya memperolehi dua jenis sisipan sahaja, iaitu /-am-/ dan /-na-/. Di bawah ini adalah rumusan perbandingan imbuhan apitan yang diperolehi oleh kajian-kajian lepas bahasa Dusun dan bahasa Bisaya serta data yang diperolehi oleh pengkaji.

Jadual 13 Perbandingan Imbuhan Sisipan dengan kajian lepas

BD	BD	BD	BD	BD	BB
Fatimah (1994/1995)	Yalim Ramai (1996/1997)	Gee Nyok San (2001/2002)	Aini Haji Karim (2013)	Pengkaji	Dyghu Hjh Juliani
/-am-/	/-am-/	/-am-/	/-am-/	/-am-/	/-am-/
/-an-/	/-an-/	/-an-/	/-an-/	-	-
-	-	-	-	/-na-/	-
/-ak-/	/-ak-/	-	/-ak-/	-	-
-	-	-	-	-	/-al-/
-	/-on-/	/-on-/	/-on-/	-	-
-	/-om-/	-	/-om-/	-	-

Dengan memerhatikan jadual di atas ini, kesemua kajian-kajian lepas mendapati imbuhan sisipan /-am-/, baik dari bahasa Dusun mahupun dalam kajian bahasa Bisaya.

Sisipan /-am-/

Berfungsi sebagai pengganti imbuhan /me-/ dalam bahasa Melayu. Dalam sisipan ini hanya diperolehi satu data saja dalam golongan kata adjektif, seperti di bawah ini:

Kata Adjektif

Kata dasar BD [sokot]	Sisipan BD + {-am}	Kata terbitan [samokot] samokot	BMS melekat
--------------------------	-----------------------	------------------------------------	----------------

Maknanya imbuhan ini sama seperti imbuhan awalan /m-/ iaitu menunjukan perbuatan atau sifat sesuatu terhadap sesuatu benda.

Contoh ayat:

[386]Hajah Gambar :..ino kakal samokotkan..kalap alan ngumpnan makan lagi ni yo
 :[..ino kakal samokotkan..kalap alan nꞑumpnan..makan lagi ni yo..]
 :..itu kekal melekatkan..dapat untuk mengumpnan..makan lagi ia..
 [BMS] kalau umpnan seperti itu ia akan melekat dan dapat digunakan berulang kali

Sisipan /-na-/

Berfungsi sebagai penambahan pada kata. Dengan adanya penambahan ini, tidak ada fonem yang perlu ubah atau ditambah. Hanya satu data saja yang diperoleh dalam sisipan ini, iaitu :

Kata kerja tak transitif

Kata dasar BD	Sisipan BD	Kata terbitan	BMS
[taʔak]	+ {-na-}	[tanaʔak] tana'ak	Dibagikan/ diberikan

Maknanya, perbuatan seseorang terhadap orang lain.

Contoh ayat:

[460]Hajah Gambar :..tarimo ano ero kaja..tana'ak minyak makan no
 :[..taximo ano ixo kadza..tanaʔak minjak makan no]
 ..terima laki mereka kerja..dibagikan minyak makan tu
 [BMS] kalau suami mereka menerima gaji kerja, mereka (saudara) memberi minyak makan

e. Kata Kala Lampau Bahasa Dusun

Kata lampau merupakan suatu bentuk kata kerja sederhana yang berfungsi untuk menjelaskan tentang kejadian pada masa lalu. Dalam bahasa Dusun juga ada menggunakan proses seperti kala lampau dengan menukarkan huruf depan pada kata dasar tersebut. Proses ini ada dipersoalakan dalam kertas kerja *Pembentukan Kata Kerja Cerminan Penakatan Dan Cabaran Bahasa Minoriti: Kes Bahasa Dusun Di Brunei Darussalam* oleh Aini Haji Karim (2013) tentang kata terbitan yang mempunyai fonem awalan /m/, /n/ dan /p/.

Kata terbitan yang bermula dengan fonem /m/ berubah menjadi /n/. Hal ini menjadi pertanyaan dan kekeliruan terhadap pengkaji lepas, seperti kata terbitan 'nakan' dianggap sebagai kata dasar yang menerima imbuhan /na-/ oleh Gee Nyok San (2001/2002), sebenarnya kata terbitan ini adalah kata dasar, lalu mengalami penukaran huruf depan kerana masa lalu.

Jadual 14 kata kala lampau bahasa Dusun

Kata Dasar BD	Kata Kala Lampau
manau (jalan)	nanau (sudah jalan)
matai (mati)	natai (sudah mati)
makan	nakan (sudah makan)
muli (pulang)	nuli (sudah pulang)
maie (habis)	naie (sudah habis)

Data-data yang didapati di atas ada yang tidak dicatit dalam lampiran kerana pengkaji memperolehinya dari kaedah pemerhatian. Pengkaji-pengkaji lepas ada yang menyatakan tentang makna yang sama tentang perubahan kata dasar tersebut, tetapi mengatakan ianya adalah imbuhan.

f. Penggantian Fonem Bahasa Dusun

Manakala penukaran fonem di awal kata dasar adalah proses penggantian fonem. Terdapat beberapa kata yang mengalami penggantian fonem tersebut seperti :

Jadual 15 penggantian fonem bahasa Dusun

Kata Dasar BD	Penggantian fonem
Manau (jalan)	Panau (dijalan)
Matai (mati)	Patai (sudah mati)
Balih (beli)	Malih(membeli)
Baba (sikut)	Maba (menyikut)
Lakak (takut)	Makak (ketakutan)
Tanom (tanam)	Nanom (ditanam)
Tamung (jaga)	Namung (dijaga)

Data-data di dalam jadual ini ada yang tidak dirakam dan diperolehi dari pemerhatian sahaja. Dengan meneliti kata-kata tersebut, kata dasar yang bermula dengan fonem /m/ digantikan dengan fonem /p/. Manakala kata dasar yang bermula dengan fonem /b/ diganti dengan fonem /m/. Begitu juga kata dasar yang bermula dengan fonem /t/ berubah menjadi /n/. Kesemua pengantian ini dipercayai membawa maksud seseorang yang sedang melakukan sesuatu dikala lampau atau dalam bahasa Inggerisnya 'Past Continouos Tense'. Akan tetapi kata-kata tersebut mungkin mengalami perubahan mengikut konteks ayat yang digunakan.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dalam kajian bahasa Dusun di Kampung Bebuloh ini terdapat perolehan data baharu seperti dalam proses pengimbuhan dan proses morfonemik yang tidak ditemui dalam kajian-kajian lepas. Dalam proses pengimbuhan, pengkaji mendapati enam bahagian, iaitu imbuhan awalan, akhiran, apitan, sisipan, kata kala lampau dan penggantian fonem. Dua dari bahagian tersebut, iaitu kata kala lampau dan penggantian fonem, belum pernah diterokai oleh mana-mana pengkaji yang mengkaji bahasa Dusun dalam bidang morfologi. Manakala dalam proses morfonemik, pengkaji mendapati lima kategori, seperti perubahan fonem, penambahan fonem, hilang fonem, peluluhan fonem dan pergeseran fonem. Kelima-lima kategori diterokai mengikut pendapat Abdul Chaer (2008) tentang proses morfonemik dalam bahasa Indonesia.

Dalam kajian ini, juga diteliti golongan kata yang menerima imbuhan, seperti kata nama, kata adjektif, kata kerja transitif, kata kerja tak transitif, kata sendi, kata nafi dan kata bantu. Terdapat juga imbuhan bahasa Dusun yang menggunakan imbuhan sebagai penggandaan, seperti imbuhan /do-/ dan /ta-/. Seterusnya imbuhan /ŋ-/ digunakan bersama kata penjodoh bilangan. Hal ini merupakan dapatan baharu dalam kajian pengimbuhan bahasa Dusun kerana kajian-kajian lepas hanya meneliti golongan kata kerja dan kata nama sahaja.

Selain dari itu, terdapat juga imbuhan bahasa Dusun digunakan pada kosa kata BMS, seperti 'baketering' yang difahamkan sebagai berkatering. Penggunaan kosa kata ini berlaku kerana pengaruh bahasa Melayu dan Inggeris:

Imbuhan	Kata dasar	Kata terbitan	BMS
{ba-} +	[katəɪŋ]	[bakatəɪŋ]bakatering	berkatering

Contoh ayat:

[139]Salbiah

.. bagancak sandiri..masa iti..ah kuo..aaa..**baketering** no suang

:[..bagancak sandiri..masa iti..ah kuo..aaa..**bakətəriŋ** no suan]

..bermasak sendiri..masa ini..ah apa..aa..**berkatering** tu banyak

[BMS]..dahulu 40alua ada jamuan kena memasak sendiri..sekarang ini kebanyakannya menggunakan catering

Di samping itu, terdapat imbuhan 40bahasa40 Dusun yang salah dari segi penggunaannya, contohnya kata '*makai*'. Imbuhan /m-/ dijumpai di dalam Bahasa Dusun, namun kata '*pakai*' tidak ada di dalam 40bahasa40 Dusun: dalam Bahasa Dusun '*isu*' yang bermaksud pakai dalam Bahasa Melayu. Kesalahan penggunaan ini dijumpai bukan secara berulang-ulang dan mungkin kerana informan tersilap menyebutnya semasa ditemubual ataupun perkataan ini diambil dari dialek Melayu Brunei.

Imbuhan	Kata dasar	Kata terbitan	BMS
{m-} +	[pakai]	[makai]	Memakai

Contoh ayat :

[571]Hajah Gambar : andi no ku ingat bandar no..kali mali njop ko *makai* kilo bo
 :[andi no ku ingat bandar no..kali mali ndjop ko makai kilo bo]
 : tidak ku ingat bandar tu..kali beli tidak memakai kilo
 [BMS] saya lupa tentang di bandar..kalau membeli ikan tidak menggunakan kilo (timbangan)

Begitu juga contoh di bawah ini yang mungkin menggunakan imbuhan Bahasa Dusun /*nan-*/ yang digabung dengan kosa kata 40bahasa40 Melayu. Perkataan '*ikut*' dalam bahasa Dusun sebenarnya '*sugut*'.

Imbuhan	Kata dasar	Kata terbitan	BMS
{nan-} +	[ikut]	[nanikut] nangikut	mengikut

Contoh ayat :

[798]Haji Gapar :..pasang ahir,ahir manau..nyugut aik uwap..ah. uli skulah ah *nangikut* aik uwap..kalau skulah aik uwap ino tangaadau, tangaadau no na balik no..
 :[..pasan ahir, ahir manau..ngugut aik u^wap..ah. uli skulah ah *nanikut* aik u^wap.. 40alua skulah aik u^wap ino taja?adau, taja?adau no na balik no..]
 : ..pasang akhir, akhir berjalan..mengikut angin..pulang sekolah mengikut angin..kalau sekolah angin itu tengahari, tengahari lah tu pulang tu
 [BMS]..pasang akhir, akhir juga bertolak..kena ikut angin..pulang sekolah juga mengikut angin..kalau angin ada pada tengahari, jadi terpaksa pulang tengahari

Percampuran imbuhan dialek Melayu Brunei dan imbuhan bahasa Dusun juga ada dijumpai dalam kajian seperti berikut:

Contoh ayat:

[182]Salbiah : tapi yang buka..*pambukaanno* tagulu..ko ino..barang emas ataupun
 :[tapi jan buka..pambukaanno tagulu..ko ino..bavan emas ataupun]
 : tapi yang buka..pembukaannya dahulu..yang itu..barang emas ataupun
 [BMS]

Imbuhan apitan /*pam-...-an*/ sememangnya berasal dari imbuhan dialek Melayu Brunei dan diakhiri dengan imbuhan bahasa Dusun iaitu /*no-*/ yang bermaksud '*nya*'. Dalam penggunaan ayat ini jelas terlihat bahawa informan menggunakan campuran Bahasa Bahasa Dusun dan Bahasa Melayu Brunei.

KESIMPULAN

Proses Pengimbuhan Bahasa Dusun berhasil mengungkapkan berbagai proses morfonemik dan pengimbuhan, termasuk perubahan fonem, penambahan fonem, hilang fonem, pergeseran fonem, dan peluluhan fonem. Pemahaman mendalam terhadap proses ini sangat penting untuk memahami struktur bahasa tersebut. Variasi dan Kesalahan Penggunaan Bahasa Dusun terlihat dalam temuan kajian ini, khususnya dalam proses pengimbuhan. Kesalahan penggunaan Bahasa Dusun, seperti penggunaan imbuhan dalam kosa kata Bahasa Melayu Standard dan dialek Melayu Brunei, menunjukkan adanya pengaruh bahasa lain dalam pertuturan Bahasa Dusun. Proses Baharu dan Kesimpulan Penggantian Fonem memberikan wawasan baru tentang perkembangan Bahasa Dusun, dengan adanya proses baharu seperti penggunaan kata kala lampau dan penggantian fonem. Hal ini mencerminkan adaptasi bahasa terhadap perubahan kontekstual dan kebutuhan komunikasi. Kekurangan Penutur Bahasa Dusun yang Fasih menjadi sorotan kajian ini, menandakan penurunan jumlah penutur asli dan kebutuhan akan upaya pemeliharaan dan pengembangan bahasa dalam komunitas untuk mencegah hilangnya kekayaan linguistik. Pentingnya Kesenambungan Pemertahanan Bahasa terutama ditekankan dalam konteks globalisasi dan campur baur dengan bahasa asing. Temuan kajian ini menegaskan pentingnya kesenambungan dalam pemertahanan dan pengembangan bahasa untuk memastikan warisan linguistik dan budaya tetap hidup. Keseluruhan, kajian ini memberikan wawasan berharga tentang Bahasa Dusun di Kampung Bebuloh, Brunei Darussalam, menekankan perlunya upaya pemeliharaan dan pemahaman lebih lanjut terhadap bahasa ini guna memastikan keberlanjutan dan kekayaan warisan budaya.

REKOMENDASI

Untuk kajian lanjut yang belum dibincangkan dalam penyelidikan ini adalah kajian perbandingan untuk memahami variasi dalam penggunaan dan proses pengimbuhan, serta mempertimbangkan faktor-faktor sosiolinguistik yang mempengaruhi variasi Bahasa beberapa puak di Brunei Darussalam.

Kontribusi Penulis

ASS, Konseptualisasi, LNY; metodologi, ARD; pengesahan, ASS; penyelidikan, ARD; sumber rujukan dan pengolahan data, ASS; penulisan draft awal, LNY & ARD; menyunting naskah, LNY; visualisasi, ARD; penyeliaan naskah akhir. Semua penulis sudah membaca dan bersetuju untuk menerbitkan manuskrip ini.

Pendanaan

Penyelidikan ini tidak mendapat sembarang pembiayaan

Konflik Kepentingan

Penulis menyatakan bahawa tidak ada konflik kepentingan dalam kajian ini.

DAFTAR PUSTAKA

- Aini, Noor, Zuraini, Saadah, & Reduan (2011). Asimilasi Bermacam Jenis Kata Melayu Pemilik Etnik Dusun Di Sabah. *Jurnal Melayu* (8) 2011: 67-90. Malaysia. (pdf) dimuat naik pada (2hb Julai 2020)
- Asbol, Mail Bakar, Nani & Abdullah, Izzah (2015). *Tujuh Serangkai Dari Persepektif Sejarah*. Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. NBD.

- Bakar, Mataim (2000). *Morfologi Dialek Brunei : Satu Tinjauan Kajian Lampau*. Dewan Bahasa dan Pustaka : Bandar Seri Begawan.
- Bujang, Haslina (2017). 7 Puak Jati Brunei. *The Patriots*. Sarawak, Malaysia. Diakses melalui laman web : <https://www.thepatriots.asia/77-puak-jati-brunei/>. (20 Julai 2020)
- Chaer, Abdul (2008). *Morfologi Bahasa Indonesia (pendekatan proses)*. Perpustakaan Nasional. Jakarta.
- Chuchu, Fatimah & Noorashid , Najib (2013). Vitaliti dan Revitalisasi Bahasa Minoriti Etnik Dusun Dalam Situasi Semasa, yang dipetik daripada *Kepelbagaian Bahasa Di Borneo : Bahasa Sebagai Mozaik Sosial, Ekonomi dan Budaya*. MS 352-387. Dewan Bahasa dan Pustaka : Bandar Seri Begawan.
- Damit, Ashrol Rahimy (2007). Penggunaan Bahasa Dusun Di Kalangan Remaja Puak Dusun. Latihan Ilmiah, Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Universiti Brunei Darussalam.
- Hassan, Abdullah (2006). *Morfologi*. Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Idris, Juliani (2008). Morfologi Bahasa Bisaya. Latihan Ilmiah, Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Universiti Brunei Darussalam.
- Karim, Aini Haji (2007). *Preposisi Bahasa Dusun dan Bahasa Melayu: Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan*. Dewan Bahasa dan Pustaka : Bandar Seri Begawan.
- Karim, Aini Haji (2013). Pembentukan Kata Kerja Cerminan Penakatan dan Cabaran Bahasa Minoriti: Kes Bahasa Dusun Di Brunei Darussalam, yang dipetik daripada *Kepelbagaian Bahasa Di Borneo : Bahasa Sebagai Mozaik Sosial, Ekonomi dan Budaya*. MS 414-467. Dewan Bahasa dan Pustaka : Bandar Seri Begawan.
- Kamus Dwibahasa* (2005). *Collins Dictionary*. Hypercollins Publisher, Wester Road, Britain.
- Kumpoh, Aisyah Ahmad (2016). Defining Dusun Identity in Brunei. *SUVANNABHUMI* Vol 8 No.2 (2016) 131-159. Universiti Brunei Darussalam. (pdf) dimuat naik pada (26hb Oktober 2020)
- Mahadi, Mardinah (2005). Proses Pembentukan Melayu Brunei Berdasarkan Teori Fonologi-Morfologi Leksikal. Tesis ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia. (pdf) dimuat naik pada (16hb Julai 2020)
- Noor Azam, Othman, Mclellan, James & Deterding, David (2016). *The Use and Status of Language in Brunei Darussalam*. Singapore. (pdf) dimuat naik pada (27hb Oktober 2020)
- Othman, Arbak (1983). *Permulaan ilmu Linguistik*. Subang Jaya. Selangor, Malaysia
- Ramai, Yalim (1997). Imbuhan Bahasa Dusun di Kampong Bukit. Latihan Ilmiah, Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Universiti Brunei Darussalam.
- San, Gee Nyok (2002). Pengimbuhan Kata Kerja Dan Kata Nama Dalam Bahasa Dusun. Latihan Ilmiah, Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Universiti Brunei Darussalam.
- Yusof, Fatimah (1995). Morfologi Kata Kerja. Latihan Ilmiah, Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Universiti Brunei Darussalam.
- Yusof, Norazmie & Mahali, Saidatul (2019). Pengaruh bahasa Melayu dalam bahasa Dusun Brunei. *Jurnal Bahasa*. 19(1), 96-116.